

# INSPIRE NEWSLETTER



Edisi 1 06/2025

Lead Inspire



## BELANJAWAN TERENGGANU 2025 : "DEMI MASA DEPAN TERENGGANU"

Penulisan oleh : **Wan Muzhaffar bin Wan Muda**,  
Pegawai Penyelidik, Jabatan Penyelidikan & Pembangunan Dasar

Belanjawan Terengganu 2025 bertemakan "Demi Masa Depan Terengganu" telah menggariskan lima fokus Kerajaan Negeri iaitu:



Kerajaan Negeri telah menetapkan sasaran "masa depan" Negeri Terengganu untuk tempoh jangka sederhana menjelang tahun 2030 seperti berikut:

(1) Hasil janaan negeri mencecah **RM510 juta** di samping menerima penarafan yang baik daripada Ketua Audit Negara dan badan bebas bagi pengurusan kewangan dan proses belanjawan.

(2) Pertumbuhan sektor pertanian sekitar **10.6 peratus** dengan pengeluaran hasil komoditi makanan utama meningkat antara 4.5 hingga 6.0 peratus setiap tahun.


(3) Tahap kebahagiaan negeri dan kesejahteraan rakyat melebihi **skor 4.753** dan **140.04** masing-masing selari dengan penurunan kadar jenayah indeks per 100 ribu penduduk dan jenayah syariah di bawah paras **50** dan **250 kes** masing-masing.

(4) Ekonomi berkembang antara **6.0 hingga 7.2 peratus setahun** mencecah **RM51.5 bilion** dengan jumlah pelaburan dan perdagangan terkumpul melebihi **RM29 bilion** dan **RM172 bilion** masing-masing.

(5) Bilangan PMKS bertambah kepada **53,900** manakala jumlah pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) turut meningkat kepada melebihi **550**.



(Sila scan untuk mendapatkan dokumen penuh mengenai Belanjawan 2025)





Penulisan oleh : **Abdul Hadi bin Harun**,  
Pegawai Khas Integriti (Sektor Integriti)

Kerajaan Negeri Terengganu melalui Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) telah memperkenalkan Dasar Integriti Darul Iman (DIDI) sebagai satu inisiatif strategik untuk memperkukuh amalan integriti dan tadbir urus berteraskan nilai Rabbani.


DIDI dibina atas kerangka ATUR (Amalan Tadbir Urus Rabbani) yang menjadikan ketaatan kepada Tuhan sebagai paksi dalam setiap aspek pentadbiran, seterusnya menanamkan rasa tanggungjawab ukhrawi dalam setiap tindakan dan keputusan. Berteraskan tujuh nilai utama – Keimanan, Ketaqwaan, Keikhlasan, Ketelusan, Kebertanggungjawaban, Kecekapan dan Islah – DIDI merangka satu ekosistem perkhidmatan awam yang bukan sahaja cekap dan profesional, bahkan bersih daripada kepentingan peribadi dan penyimpangan moral.



Pelaksanaan DIDI direalisasikan melalui tiga komponen utama yang saling melengkapi, iaitu Dasar DIDI sebagai dokumen dasar induk, Model Integriti Darul Iman (MIDI) sebagai panduan operasional dalam organisasi, dan Modul Integriti Darul Iman (MINDA-i) yang menyediakan pendekatan latihan, pembudayaan dan pementapan nilai secara sistematik dalam kalangan warga kerja kerajaan. Pendekatan holistik ini bukan sahaja mengukuhkan daya tahan sistem pentadbiran negeri terhadap risiko rasuah dan salah guna kuasa, bahkan mampu melonjakkan tahap profesionalisme serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap penyampaian perkhidmatan awam.



Sehubungan itu, semua GLC dan agensi kerajaan negeri diseru agar memberi komitmen sepenuhnya dalam menjayakan pelaksanaan DIDI di organisasi masing-masing. DIDI bukan sekadar suatu dasar pentadbiran, tetapi merupakan amanah besar dalam menjunjung nilai-nilai Islam dalam pengurusan negeri. Kejayaan DIDI bakal menjadi mercu tanda keunggulan Terengganu sebagai sebuah negeri yang maju, berdaya saing, dan diberkati hasil pentadbiran yang berintegriti serta berpaksikan prinsip syariat Islam yang lengkap dan menyeluruh.



(Sila scan untuk mendapatkan dokumen penuh mengenai DIDI)



## PELAN STRATEGIK PERTANIAN TERENGGANU 2024-2030

Penulisan oleh : **Muhammad Firdaus bin Mohd Shihabuddin**,  
Pegawai Penyelidik, Jabatan Pengurusan Prestasi & Pelaksanaan

Kerajaan Negeri Terengganu telah melancarkan Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2024-2030 atau PSPT 2024-2030 yang merupakan kesinambungan daripada PSPT 2019-2023 yang telah memberikan impak positif kepada jumlah pengeluaran hasil pertanian, perikanan dan penternakan bagi memenuhi keperluan makanan negeri, peningkatan pendapatan rakyat serta penurunan harga produk di pasaran.



Sektor pertanian mencatatkan lonjakan yang amat positif dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi negeri Terengganu pada tahun 2023 dengan pertumbuhan sebanyak 7.4% berbanding kemerosotan negatif 4.7% pada tahun sebelumnya.

Pencapaian ini mendapat pujian melalui titah KDYMM Sultan Terengganu sempena Istiadat Pembukaan Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri Ke-15 pada 14 April 2025 yang lalu dengan menyatakan bahawa sektor pertanian telah menjadi salah satu tunjang utama pertumbuhan ekonomi negeri.



PSPT 2024-2030 telah dibangunkan oleh Setiausaha Kerajaan Terengganu menerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi yang dipengerusikan oleh YB Dato Dr Azman bin Ibrahim. Pelan ini adalah pelan hala tuju jangka panjang ke arah memperkasa sektor pertanian negeri secara menyeluruh dan membawa visi penting untuk menjadikan Terengganu sebagai pengeluar makanan utama negara dengan terlebih dahulu menjadi *self-sufficient*.

Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) turut diberikan kepercayaan untuk menyumbang pandangan dan kepakaran dalam beberapa siri bengkel dan sesi libat urus berkaitan pembangunan pelan ini khususnya dalam memastikan agenda PITAS2030 terus diutamakan dalam pelbagai sektor termasuk pertanian. Diharapkan kerangka strategik ini dapat terus dilaksanakan dengan cemerlang dan memberikan impak yang besar dalam usaha memelihara keterjaminan makanan negeri Terengganu.



(Sila scan untuk mendapatkan dokumen penuh mengenai Pelan Strategik Pertanian Terengganu 2024-2030)



## "PITAS2030: MENYAHUT ASPIRASI TERENGGANU SEJAHTERA MELALUI PERANCANGAN STRATEGIK BERIMPAK TINGGI"

Penulisan oleh : **Muhamad Hafizullah bin Muda**,  
Ketua Jabatan, Jabatan Pengurusan Prestasi & Pelaksanaan

Kerajaan Negeri Terengganu telah mengambil langkah proaktif dalam memperkukuh hala tuju pembangunan negeri menerusi pelancaran Pelan Induk Terengganu Sejahtera (PITAS2030).


PITAS2030 ini merupakan dokumen dasar jangka panjang yang menjadi rujukan utama dalam merangka dasar pembangunan negeri secara menyeluruh, terancang dan lestari. Ia juga mencerminkan komitmen kerajaan negeri untuk memperkasa agenda kemajuan yang berteraskan prinsip syariah, keadilan sosial dan keseimbangan ekonomi.

Pelan PITAS2030 digariskan berlandaskan kepada 7 prinsip utama, 5 pembolehdaya, 10 teras strategik, 3 sasaran dan 93 High Impact Portfolio Programme (HIPP) bagi memastikan pembangunan mampan dalam negeri Terengganu.

Dalam kerangka ini, fokus pelaksanaan pembangunan adalah tertumpu kepada 10 teras strategik yang telah diharmonikan dengan 10 portfolio Exco Kerajaan Negeri Terengganu.

Sejurus berakhirnya PRU15, PITAS2030 telah dikemas kini bermula dengan pelaksanaan Bengkel Hala Tuju Portfolio Exco Negeri Terengganu yang melibatkan agensi utama negeri dan persekutuan bersama dengan pegawai kerajaan dan pemegang taruh lain bagi menggariskan hala tuju pembangunan Negeri Terengganu penggal ini.





Melalui 10 siri bengkel yang telah dibuat, satu draf agenda pembangunan negeri telah dihasil dan dicadangkan di dalam Bengkel MB dan EXCO. TSIS selaku sekretariat PITAS2030 turut menganjurkan satu Mesyuarat Majlis Tindakan PITAS (MTP) yang memuktamadkan hasil kesemua siri libat urus. Setakat ini, menurut laporan semasa pencapaian PITAS adalah sebanyak 80% telah berjaya dilaksanakan.

pelan ini menjadi simbol iltizam politik dan pentadbiran yang progresif, berintegriti serta berpaksikan kepentingan rakyat. Dengan kesungguhan dan komitmen yang diperlihatkan oleh kerajaan negeri, diharapkan Terengganu akan terus maju ke hadapan dengan visi yang lebih mantap dan strategi yang lebih terarah untuk masa depan yang lebih cemerlang.



PITAS2030 bukan sekadar pelan pembangunan fizikal atau ekonomi semata-mata, tetapi merupakan manifestasi sebuah visi besar negeri Terengganu ke arah sebuah negeri yang maju, berkat dan sejahtera. Dengan penekanan kepada keseimbangan antara pembangunan rohani dan jasmani, serta antara keperluan masa kini dan masa depan,



(Sila scan untuk mendapatkan dokumen penuh mengenai Dokumen PITAS2030 Edisi Kemaskini 2024)







## "TERENGGANU TUBUH JAWATANKUASA KHAS SEMAK SEMULA GARIS PANDUAN SYARIAH NEGERI"

Penulisan oleh : **Mohd Eikhwan bin M. Ali & Nor Asmah binti Zakaria**

Ketua Jabatan & Pegawai Penyelidik, Jabatan Penyelidikan & Pembangunan Dasar

Kerajaan Negeri Terengganu kini sedang menyemak semula Garis Panduan Hiburan, Persembahan Kebudayaan, Pelancongan dan Sukan Negeri Terengganu yang dilancarkan pada 12 Mac 2020. Usaha ini bertujuan bagi memastikan semua aktiviti berkaitan dijalankan selari dengan prinsip Syariah, aspek undang-undang, adab tempatan serta norma masyarakat Islam dan bukan Islam di samping memelihara keharmonian masyarakat majmuk di negeri ini.

Sebagai langkah awal, Kerajaan Negeri menubuhkan Jawatankuasa Khas Garis Panduan Syariah Negeri Terengganu. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pakar-pakar dalam bidang Syariah, perundangan, wakil Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi dan jabatan berkaitan. Penubuhan jawatankuasa ini juga mencerminkan komitmen menyeluruh Kerajaan Negeri dalam memastikan garis panduan yang baharu lebih komprehensif dan

inklusif serta mempunyai nilai perundangan yang kukuh.



Antara fungsi jawatankuasa ini ialah meneliti garis panduan sedia ada dan mencadangkan penambahbaikan dari sudut pentadbiran dan perundangan negeri agar selari dengan kehendak Syariah. Tumpuan juga diberikan kepada aspek pematuhan dan penguatkuasaan di samping dalam menangani terhadap isu-isu yang berbangkit.



Usaha ini merupakan langkah proaktif Kerajaan Negeri dalam memperkemas dasar agar lebih terarah dan berteraskan nilai-nilai Islam. Skop semakan juga merangkumi segmen seperti persembahan, pemakaian, pertunjukan, pameran, sukan, penajaan dan penerbitan serta pengiklanan dan promosi.

Justeru, Kerajaan Negeri menyeru agar semua pihak termasuk penggiat industri dan NGO serta masyarakat umum untuk memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan pelaksanaan dasar ini. Komitmen bersama amat penting bagi memastikan dasar yang dibangunkan ini bukan sahaja berkesan tetapi juga mampu menjaga kepentingan serta sensitiviti semua lapisan masyarakat.





Penulisan oleh : **Wan Nur Sakinah binti Din,**  
Pegawai Kanan Perundangan (Sektor Integriti)

Dasar Wanita Negeri Terengganu merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri dalam memperkasa peranan wanita melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi aspek agama, sosial, ekonomi, pendidikan, kekeluargaan, kemasyarakatan, perundangan kesihatan, kepimpinan, dan alam sekitar.



Dasar Wanita Negeri Terengganu setelah diluluskan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff pada 22 September 2022.

Kini, dasar ini telah memasuki fasa pelaksanaan Pelan Tindakan Strategik, menjadikan Terengganu antara negeri yang proaktif dalam menjadikan wanita sebagai tonggak pembangunan bersama.



Dasar ini digariskan melalui lapan teras utama yang menyeluruh, merangkumi pelbagai aspek penting dalam pembangunan wanita:

- 1. Perneriksaan Pendidikan & Agama**  
Memperluas akses wanita kepada pendidikan formal dan tidak formal serta memperkukuh kefahaman agama dalam membentuk wanita yang berakhlak, berilmu dan berdaya saing.

## 2. Kesejahteraan Keluarga, Masyarakat & Ummah

Menyokong peranan wanita dalam institusi kekeluargaan dan pembangunan komuniti melalui inisiatif yang memelihara keharmonian, kebajikan dan kesejahteraan sosial.

## 3. Pembangunan Potensi Diri & Kepimpinan

Menggilap potensi diri wanita dalam pelbagai bidang serta meningkatkan penyertaan mereka dalam kepimpinan, keusahawanan dan pembuatan dasar di semua peringkat.

## 4. Kesihatan Wanita

Menjamin akses kepada penjagaan kesihatan fizikal dan mental yang berkualiti serta menyeluruh merangkumi pencegahan, rawatan dan sokongan pemulihan.

## 5. Perundangan & Hak Wanita

Memperkasa wanita dengan pengetahuan dan akses terhadap sistem perundangan serta hak asasi, bagi memastikan perlindungan yang adil dan menyeluruh.

## 6. Sistem Jaminan Sosial

Menyediakan sokongan sosial yang berstruktur kepada wanita termasuk bantuan keselamatan sosial, jaringan sokongan ketika krisis, dan perlindungan golongan rentan.

## 7. Teknologi

Meningkatkan keupayaan wanita dalam penguasaan teknologi digital serta memperluas akses kepada kemahiran dan peluang dalam ekonomi digital.

## 8. Alam Sekitar

Menggalakkan penyertaan aktif wanita dalam penjagaan alam sekitar, adaptasi terhadap perubahan iklim, dan pembangunan lestari berasaskan nilai ekologi.



(Sila scan untuk mendapatkan dokumen penuh mengenai Dasar Wanita Negeri Terengganu)





## SG4: KESEPADUAN EMPAT NEGERI MENUJU MASA DEPAN LEBIH SEJAHTERA

Penulisan oleh : **Nurfaraezzati binti Muhamad**,  
Pegawai Penyelidik, Jabatan Pengurusan Prestasi & Pelaksanaan

Empat negeri – Kedah, Kelantan, Terengganu dan Perlis – kini bergabung tenaga melalui inisiatif State Government 4 (SG4), sebuah kerjasama strategik yang bertujuan memacu pembangunan wilayah secara lebih tersusun dan menyeluruh. Berbekalkan kekuatan tempatan, kepimpinan yang sepakat dan sokongan penasihat berpengalaman, SG4 menyusun pelbagai langkah untuk membawa manfaat nyata kepada rakyat.

SG4 terus memperlihatkan kemajuan yang memberangsangkan menerusi lima kluster strategik yang dirangka khusus untuk memacu pembangunan bersama.

Kluster Infrastruktur & Logistik giat menyelaraskan pelan tindakan pembangunan fizikal merentasi negeri, dan kini dalam proses menyiapkan draf Pelan Strategik Infrastruktur & Logistik SG4 yang bakal menjadi asas hala tuju jangka panjang kluster ini.

Kluster Pelaburan, Industri & Sumber Manusia pula memberi tumpuan kepada penyediaan ekosistem pelaburan yang lebih bersepadu serta pembangunan tenaga kerja yang selari dengan keperluan industri semasa. SG4 turut bekerjasama dengan pihak seperti Cordoba of Kedah dalam merangka pelan pembangunan kluster ini secara menyeluruh, sejajar dengan hasrat memperkukuh ekosistem pelaburan dan industri.



Dalam masa yang sama, Kluster Pertanian & Sekuriti Makanan menyatukan tekad empat negeri untuk memperkukuh daya tahan sektor pertanian dengan sasaran menjadikan wilayah SG4 sebagai jelang makanan utama negara. Langkah ini bersifat strategik demi memastikan kelangsungan bekalan makanan serta kesejahteraan rakyat. Kluster ini turut merancang untuk memperkasakan agro-pelancongan menerusi pewujudan kawasan strategik yang dikenali sebagai "Lembangan Pertanian SG4 Pantai Timur", melibatkan daerah Setiu, Besut, Bachok dan Pasir Puteh.

Sementara itu, Kluster Pendidikan & Modal Insan memberi fokus kepada hala tuju pendidikan bersama melalui pelbagai inisiatif pemerkasaan akademik dan teknikal.

Kluster Sumber & Pendapatan Baharu pula sedang menyelaras pelan pemerkasaan bagi rantaian pertengahan (midstream) dan hiliran (downstream) industri Unsur Nadir Bumi (REE) di negeri-negeri SG4.

Kelima-lima kluster ini menggambarkan iltizam bersama dalam meneroka kekuatan tempatan demi manfaat rakyat secara kolektif dan berpanjangan.

memperkukuh jentera pelaksana dan memperluas jangkauan kerjasama strategik yang mendukung kepentingan rakyat di negeri-negeri berkenaan.

Bagi memperkukuh hala tuju komunikasi dan strategi korporat SG4, dua tokoh berwibawa telah dilantik untuk menyertai barisan Majlis Penasihat SG4. YBhg. Tan Sri Datuk Seri Panglima TPr Annuar Haji Musa dilantik sebagai Ahli Majlis Penasihat merangkap Jurucakap Rasmi serta Penasihat Komunikasi SG4, manakala YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin berperanan sebagai Ahli Majlis Penasihat merangkap Penasihat Korporat SG4. Pelantikan ini melambangkan komitmen SG4 dalam memperkukuh jentera pelaksana dan memperluas jangkauan kerjasama strategik yang mendukung kepentingan rakyat di negeri-negeri berkenaan.





Penulisan oleh : **Prof Madya Dr Mohd Hanif bin Yaacob**  
Pakar Perunding TSIS

- 1. Champion of Spirituality & Sustainability:** Instill a strong spiritual values, sustainable practice and social responsibility in mission and operation.
- 2. Creative & Innovative:** Encourage a culture where innovation, creative thinking and solutions are at the company cores.
- 3. Collaboration & Teamwork:** Promote a culture of collaboration and open communication across different teams and departments.
- 4. Change Agility:** Embrace a culture that allows flexibility and readiness to adapt to changing technologies, stakeholder demands and strategic shifts.
- 5. Continuous Learning and Development:** Encourage continuous learning through training, workshops and access to knowledge resources.
- 6. Choices based on Data:** Cultivate a culture where decisions are made based on data, evidence and strategic development.
- 7. Customer-Centric Focus:** Develop a deep understanding of customer/stakeholder needs and ensure that research and strategy are aligned with delivering exceptional value to rakyat.
- 8. Commitment to Excellence:** Strive for excellence by setting high standards for quality and continuous improvement in every project and process.
- 9. Camaraderie & Inclusion:** Foster a friendly and inclusive environment where all individuals are heard and respected.
- 10. Culture of Empowerment:** Create an empowering environment where staffs are given the flexibility and trust to flourish but are held accountable for their outcomes.

**Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)**

No Lot PT 2486 & PT 3942, Jalan Kemajuan 20300, Kuala Terengganu, Terengganu

Tel : 09 628 4818 / 09 628 4039

Faks : 09 628 4819

Web : <https://tsis.terengganu.gov.my>

Facebook: @tsisterengganuofficial

Instagram: @tsisterengganuofficial

Tiktok: @tsisterengganuofficial

Copyright © 2025 TSIS

All rights reserved

© Terbitan TSIS 2025

---

**Penasihat**

Profesor Madya Dr. Mohd Hanif bin Yaacob

*Ketua Pegawai Eksekutif*

**Ketua Editor**

Ahmad Fahmi Mokhtar

*Ketua Jabatan Komunikasi Strategik*

**Editor**

Wan Muzhaffar Wan Muda

Abdul Hadi Harun

Muhammad Firdaus Mohd Shihabuddin

Muhamad Hafizullah Muda

Mohd Eikhwan M. Ali

Nor Asmah Zakaria

Wan Nur Sakinah Din

Nurfaraezzati Muhamad

Nurul Syamimi Mohamad Kabidi

**Pereka Grafik**

Muhammad Syafiq Irfan Nor Mazlim

*Jabatan Komunikasi Strategik*

---

**HAK CIPTA TERPELIHARA**

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian kandungan penerbitan ini sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pegawai Eksekutif TSIS.